



UTARA

JUMAAT, 9 DISEMBER 2016 @ 10:38 PM

RM1 juta bantu orang susah melalui MyKasih

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my



DATIN Paduka Che Asmah Ibrahim. - Foto Zulfadhli Zulkifli.

KUALA NERANG: Kumpulan Cenviro memperuntukkan RM1 juta bagi membantu golongan kurang berkemampuan di empat daerah terpilih negeri ini.

Pengarah Kumpulan Cenviro, Datin Che Asmah Ibrahim, berkata sebanyak RM250,000 akan diagihkan kepada 250 keluarga dari daerah terbabit menerusi program Yayasan MyKasih.

Katanya, keluarga di daerah Padang Terap menjadi daerah kedua menerima sumbangan itu selepas Pendang manakala dua lagi iaitu Kulim dan Alor Setar akan diserahkan pada awal tahun depan.

"Setiap keluarga yang terpilih menerima sumbangan berbentuk elaun RM80 sebulan selama setahun. Elaun ini bertujuan untuk membeli barangan keperluan harian seperti gula, beras, tepung, susu, dan minyak masak.

"Penerima juga boleh menggunakan MyKad untuk membeli barangan makanan harian atau keperluan persekolahan di pasaraya terpilih, kantin sekolah, kedai buku dan kedai alat tulis di sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir ke majlis pelancaran program Cenviro dan MyKasih ' Love My Neighbourhood & Love My School di Pusat Komuniti Masyarakat Cikgu Hashim Kampung Barohkas di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim, Che Asmah berkata, sebagai syarikat peneraju dalam penyelesaian alam sekitar bersepadu, sumbangan itu diharapkan dapat membantu meringankan beban ketua keluarga bagi menyediakan barang keperluan.

Katanya, elaun terbabit akan terus disalurkan terus ke akaun penerima setiap bulan bagi memastikan wang itu dapat digunakan sebaiknya.

"Walaupun sumbangan berbentuk elaun bulanan ini sedikit namun ia mampu mengurangkan beban ibu bapa terutama yang memiliki ramai anak yang masih bersekolah," katanya.

Lagi Berita:

EDISI WILAYAH

--- Pilihan wilayah ---

Cari Kata Kunci

